

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 23 Mac 2021 9:28 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PRO-CANSELOR UUM SEDIA KONGSI IDEA MANTAPKAN UUM



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

23 MAC 2021 / 9 SYAABAN 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PRO-CANSELOR UUM SEDIA KONGSI IDEA MANTAPKAN UUM



UUM ONLINE: Pro-Canselor UUM, Yang Mulia Tengku Tan Sri (Dr.) Dato' Paduka Mahaleel Tengku Ariff telah mengadakan lawatan ke UUM, baru-baru ini.

Kedatangan beliau disambut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Bilik Mesyuarat Naib Canselor.

Pada pertemuan itu, beliau menyatakan kesediaannya untuk berkongsi idea dan pemikiran sebagai Pro-Canselor UUM demi memantapkan lagi UUM ke arah menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.

Pelbagai perkara dibincangkan antaranya usaha pemantapan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar, pengukuhan Tadbir Urus Jabatan Pendaftar dan cadangan pembentukan Unit Strategik UUM.

Selain itu, peranan alumni dalam peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran graduan terutama bagi merebut peluang pekerjaan di syarikat multinasional luar negara, usaha meningkatkan kerjasama strategik dengan universiti terkemuka luar negara dalam bidang Teknologi Tinggi dan Matematik seperti Saint Petersburg State University, Russia dan Moscow State University, Russia.

Antara lain, perbincangan bertumpu kepada usaha-usaha peningkatan jumlah para pelajar Antarabangsa dari luar negara melalui strategi jangka panjang yang dibentuk melalui Pelan Strategik UUM Fasa III (2021-2025) di samping penubuhan 'offshore office' di luar negara yang fokus kepada pasaran Indonesia, China dan Asia Tengah.

Naib Canselor turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas pelantikan tersebut.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.